

Isteri PM terharu terima anugerah tertinggi

BH 17 AUG 2002

PUTRAJAYA, Jumaat - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang menerima anugerah 'Companion of Honour The Chartered Institute of Marketing (International) United Kingdom' semalam, berkata pemilihan beliau sebagai wanita pertama di dunia menerima anugerah itu adalah satu penghormatan yang tidak akan beliau lupakan selama-lamanya.

Dalam ucapannya selepas penganugerahan itu di sini petang semalam, Dr Siti Hasmah berkata: "Saya malu dan tak tahu apa yang nak dikatakan. Saya amat terharu. Ada lagi bila diberitahu saya adalah wanita pertama di dunia menerima anugerah ini.

"Bila saya terima surat mengenai perkara ini, saya terfikir sejenak, kepada siapa saya menjadi teman. Kemudian mereka perkenalkan bahawa saya sentiasa berada bersama suami untuk memberi sokongan...bagaikan belangkas, saya ikut ke mana saja beliau pergi. Mungkin saya adalah teman paling sesuai untuk beliau," katanya sambil berseloroh.

Dr Siti Hasmah berkata, beliau juga sering menambah pepatah 'di belakang seorang lelaki berjaya ada seorang wanita' dengan menokok "tidak sebarang wanita, tetapi isteri".

"Saya terharu dengan penghormatan ini. Ia bukan untuk saya, sebagai wanita Melayu, tetapi untuk semua wanita Malaysia. Saya juga rasa ramai lagi wanita di Malaysia melakukan perkara sama dengan apa yang saya lakukan dan anugerah ini adalah untuk semua wanita Malaysia, bukan untuk saya seorang saja," katanya.

Beliau berkata, baginya apa yang dilakukannya sebagai isteri seorang pemimpin dan sebagai wanita Malaysia, memberi kepuasan kepadanya dan ia hanyalah perkara kecil saja untuk mendapat pengiktirafan sebesar itu.

"Saya seronok melakukannya. Sebelum ini, ketika saya menjadi doktor, saya seronok apabila berada dengan pesakit. Waktu yang paling tidak dapat saya lupakan ialah ketika menladi doktor selama 23 tahun, kebanyakannya ketika bertugas di luar bandar di Kedah.

"Saya bertuah kerana 'hulubalang' seperti suami saya, me-

ngambil saya di Singapura dan membawa saya ke Kedah untuk berkhidmat kepada rakyat di sana. Sebagai orang yang dilahirkan di Selangor, tempat yang banyak dengan kemudahan, kemudiannya pergi ke tempat konsertatiff seperti Kedah, adalah satu cabaran bagi saya.

"Tapi ia adalah cabaran yang baik bagi saya. Ia membuka mata dan hati saya kepada orang di sana (Kedah). Kedah mengajar saya banyak perkara. Bila kami kembali ke Kuala Lumpur ketika suami saya menjadi Menteri Pendidikan, pengalaman di Kedah banyak membantu saya untuk menyesuaikan diri dengan orang ramai, terutama dalam soal memabitkan hubungan kemanusiaan," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata, beliau gembira kerana kembali ke Kuala Lumpur bukan saja untuk berkhidmat kepada rakyat di seluruh negara, tetapi untuk masyarakat antarabangsa.

"Saya tidak boleh nak menggambarkan rasa terharu saya dan saya mengucapkan terima kasih atas penghormatan ini. Saya akan tunjukkan kepada suami saya, bahawa sayalah sebenarnya seorang teman sejati," katanya.

Dr Siti Hasmah adalah orang ketiga dipilih sebagai penerima anugerah institut berkenaan, selepas seorang aktivis kesatuan sekerja di England, Chay Blyth, yang menerimanya 20 tahun yang lalu dan seorang tokoh terkenal di India, Shunu Sen, yang menerimanya lima tahun yang lalu.

Beliau terpilih berikutan sumbangan besarnya bukan saja dalam bidang kebajikan, kesihatan dan kepada wanita Malaysia, tetapi juga sebagai teman (isteri) yang banyak membantu suaminya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Anugerah dalam bentuk sebuah pingat, plak, kristal dan sijil itu disampaikan oleh Presiden The Malaysian Association of The Chartered Institute of Marketing, Datuk Dr James Alfred dan Pengerusi institut itu, Michael Woo, kepada Dr Siti Hasmah di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di sini.